


Pos Kemar nikmati pembangunan

Penempatan Orang Asli suku Temiar kini dilengkapi pelbagai kemudahan



Ekspedisi Sertifik Alam Sekitar Pacuan Empat roda merentasi jalan erlumpur ketika menuju Pos Kemar Gerik Perak.

(FOTO NASTAIBI MOHD NAWI/BIH)



Ancaman komunis selepas pengisytiharan Darurat pada 1948 menyebabkan kerajaan British berusaha mengumpul penduduk terpedu terutama di dalam hutan ke penempatan baru. Ia bagi memudahkan pihak berkuasa mengahang pengaruhi Parti Komunis Malaya (PKM) melancarkan dakwah, selain mencari pengaruh dalam kalangan penduduk di kawasan pedalaman.

Pos Kemar dibuka pada 1952 bagi mengumpul penduduk Orang Asli dari pada ancaman komunis kini menjadi penempatan Orang Asli yang mempunyai kemudahan asas paling lengkap di kawasan pedalaman.

Beli keperluan di Pekan Gerik
Penempatan yang mempunyai 15 kampung dengan penduduk berjumlah 5,000 orang itu, terletak kira-kira 80 kilometer dari Sungai Siput melalui laluan balak dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

Namun penduduk lebih gemar berurusan dan membeli barang keperluan di Pekan Gerik menggunakan bot melalui jeti Tasik Temenggong.

Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Aziz Asoh, 56, berkata pengalaman ketika diancam komunis masih menjadi ingatan sebahagian besar penduduk terutama generasi tua.

"Penduduk Orang Asli dulu tinggal berselak di kawasan hutan yang menjadi kawasan operasi tentera menghapuskan komunis. Berikutnya itu, semua

penduduk termasuk ayah saya diarahkan berpindah ke kawasan yang mudah dikawal pasukan Keselamatan.

"Pada peringkat awal, tentera British mengawal pos ini, namun selepas mereka, Pasukan Polis Hutan (PPH) mengambil alih tugas menjaga keselamatan penduduk," katanya yang juga bekas anggota PPH, Senoi Praaq.

Aziz berkata, kawasan Pos Kemar turut menjadi lokasi latihan pasukan elit PPH, Komando 69 yang banyak membantu menghapuskan ancaman komunis di kawasan Hulu Perak.

"Sejarah ketenteraan mencegah ancaman komunis masih boleh dilihat di penempatan ini dengan rangka helikopter jenis Alouette yang terhapus ketika melakukan pendaratan cemas pada 1961 dijadikan mercu tanda. Dalam kejadian itu, tiada keamalangan jiwa dilaporkan," katanya di Pos Kemar, Grik, baru-baru ini.

Ancaman komunis, keperluan hidup dalam ingatan
Aziz berkata, ancaman komunis dan keperluan hidup kini hanya menjadi ingatan dan bahan cerita generasi tua.

"Generasi muda yang tidak pernah mengalaminya kini hidup dalam serba mudah dengan menikmati pelbagai ke-

mudahan disediakan kerajaan, ia termasuk klinik kesihatan dan pendidikan selain bekalan elektrik," katanya.

Kini selesa era darurat dan lebih setengah abad mereka, Pos Kemar menikmati pelbagai kemudahan yang lebih baik berbanding penempatan Orang Asli lain di negara ini.



Sejarah ketenteraan mencegah ancaman komunis masih boleh dilihat di penempatan ini dengan rangka helikopter jenis Alouette yang terhapus ketika melakukan pendaratan cemas pada 1961 dijadikan mercu tanda"

Aziz Asoh
Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)

Melalui program penempatan semula penduduk kerajaan menyediakan kemudahan bekalan elektrik melalui Stesen Solar Hibrid Kemar dianggotai perbezaan di Tiga Tenggara.

Stesen dikecualikan Tenaga Nasional Bhd dan dibayai Kementerian Pembangunan Taraf Bandar dan Wilayah itu dijangka siap sepenuhnya tahun ini dan memberi kemudahan bekalan elektrik melalui pjsanjanan tenaga solar kepada 15 kampung di penempatan berkenaan.

Dalam pada itu, Pusat Kesihatan Pos Kemar turut menempatkan seorang doktor secara bergilir-gilir bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat terutama ibu mengandung dan kanak-kanak.

Tinjauan BIH mendapati, ramai ibu mengandung dan kanak-kanak mendapatkan rawatan di klinik berkenaan yang disediakan kesihatan doktor dan beberapa jururawat.

Bantuan susu, makanan berkhasiat
Menurut jurucakap pusat berkenaan, Kementerian Kesihatan turut menyalurkan bantuan susu dan makanan berkhasiat kepada ibu mengandung bagi memastikan kesihatan mereka terjaga bagi melahirkan anak.

"Dalam pada itu, kanak-kanak dan bayi yang mengalami kekurangan zat diberikan makanan berkhasiat untuk memastikan pertumbuhan fizikal dan mental mereka tidak terganggu," katanya.

Seorang penduduk, Sam Han, 36, berkata penduduk menaruh getah, mencari kayu gaharu dan hasil hutan untuk menampung kehidupannya mereka.

"PELCA menyebarkan produk getah untuk ditoreh kepada penduduk dan

mendapat hasil daripadanya," katanya sambil menambak pendapatan penduduk boleh mencecah RM1,000 ketika harga getah mahal.

Beliau berkata, langkah kerajaan membuka tanah bagi menanam getah untuk menambak ekonomi penduduk amat dialu-alukan kerana ramai penduduk keluar kampung untuk mencari pekerjaan kerana pialang kerja di kampung terhad.

"Penduduk menggunakan jeti di Empangan Temenggong untuk ke jeti Trojan sebelum ke Pekan Gerik untuk berurusan di pejabat kerajaan atau membeli-beli. Kami jarang menggunakan laluan balak untuk keluar ke pekan Sungai Siput di Ipoh," katanya.


Stasiun di kampung berkenaan cukup menarik, selain bersih dan teratur, penduduknya cukup ramai, malah kunjungan penulis bersama penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kelab Pacuan Empat Roda Selangor baru-baru ini, turut dihidangkan dengan durian dan buah-buahan tempatan.

Empangan Temenggong yang menjana bekalan elektrik untuk negara turut bersumbangkan laluan sungai, iaitu Sungai Temenggong merentasi kampung ini. Airnya yang bersih dan sejuk cukup menyeronokkan bagi mereka yang berkelah dan mandi mandi.

Namun, untuk sampai ke Pos Kemar bukan sesuatu yang mudah, perjalanan dari Sungai Siput ke penempatan itu melalui jalan balak yang berdebu cukup menyeronokkan, hanya pemandu kenderaan yang benar-benar lajak dan berpengalaman saja mampu mencecahnya.



Penduduk Orang Asli mendapat rawatan perubatan di klinik kesihatan.



Menjual getah scrap antara aktiviti ekonomi harian penduduk setempat.